

Nama: _____

Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 1/2002
1 Jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2002**

BAHASA MELAYU
Satu jam

1. *Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.*

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca cerita di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Belum cuba, belum tahu, Jali, ” sekali lagi Sudin mengulangi kata-katanya itu. Jali hanya berdiam diri saja. Daripada riak wajahnya, jelaslah dia sedang memeras otak memikirkan sesuatu. Cadangan Sudin untuk membuka gerai makan membuat dirinya gelisah tidak menentu. Hatinya berbelah bahagi. Sebenarnya, dia memang berminat untuk menyahut cabaran itu, tetapi dia bimbang kalau-kalau usaha mereka tidak menjadi.

Setelah menimbangkan perkara itu semasak-masaknya, akhirnya Jali berjaya meyakinkan dirinya. Dia sedar bahawa **jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya**. Jika dia tidak berani untuk mencuba dan merebut peluang itu, dia pasti tidak akan beroleh apa-apa kejayaan.

Dengan bermodalkan beberapa ratus ringgit, Sudin dan Jali pun membuka sebuah gerai makan di kampung mereka. Mereka berniaga dengan penuh kesungguhan. Dari hari ke hari, perniagaan mereka bertambah maju. Akhirnya, daripada sebuah gerai kecil di tepi jalan, kini perniagaan mereka telah berkembang dan berpindah ke sebuah restoran yang lebih besar.

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh Jali dan Sudin telah membuka mata penduduk kampung. Banyak penduduk kampung yang ingin mengikut jejak mereka. Tetapi, malangnya mereka tidak begitu berkeyakinan dan takut menghadapi kegagalan. Maka, selalulah mereka bertanya kepada Jali dan Sudin tentang rahsia kejayaan mereka.

“Janganlah terlalu berfikiran negatif. Hal ini hanya akan menyebabkan kita hilang keyakinan diri. Percayalah, jika kita berusaha dengan sungguh-sungguh, kita pasti akan berjaya kerana **hati hendak, semua jadi**,” Sudin memberikan buah fikirannya.

“ Yang paling penting kita janganlah takut untuk mencuba, kerana selagi kita tidak mencuba kita tidak tahu akan hasilnya. Bak kata orang, belum cuba, belum tahu,” tambah Jali sambil tersenyum memandang Sudin.

- 1 Mengapakah Jali berasa gelisah tidak menentu?
 - A kerana tidak bersetuju dengan cadangan Sudin
 - B kerana hatinya berbolak-balik untuk menerima cadangan Sudin
 - C kerana Sudin sering memaksa dan mendesaknya

- D kerana tidak mempunyai modal untuk membuka perniagaan
- 2 Rangkai kata **jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya** bermaksud...
- A sekiranya tidak berjaya, janganlah mudah berputus asa.
 - B jika tidak mencuba atau berusaha, pasti tidak akan beroleh kejayaan.
 - C kalau tidak faham akan sesuatu, janganlah malu bertanya orang lain.
 - D andainya ingin berjaya, yakinlah kepada diri sendiri.
- 3 Apakah sikap yang menjadi kunci kejayaan Jali dan Sudin?
- A jujur
 - B peramah
 - C yakin diri
 - D pemurah
- 4 Peribahasa **hati hendak, semua jadi** mempunyai maksud yang hampir sama dengan...
- A di mana Bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
 - B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
 - C di mana semut mati kalau tidak dalam gula?
 - D di mana anjing menyalak, di situlah biawak memanjat
- 5 Yang berikut merupakan nasihat Jali dan Sudin kepada penduduk kampung **kecuali**...
- A janganlah terlalu berfikir tentang kegagalan jika ingin berjaya.
 - B berusahalah dengan sungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.
 - C yakinlah pada kemampuan diri sendiri jika ingin berjaya.
 - D sentiasalah mengharapkan bantuan orang lain jika ingin berjaya.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca rencana di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada tahun 1970, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri telah memperkenalkan Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Pada tahun 1989 keutamaan diberikan kepada murid-murid sekolah yang berasal daripada keluarga miskin berdasarkan pendapatan bulanan ibu bapa atau penjaga mereka. Sehingga kini, program ini masih dijalankan.

Jika diteliti, objektif utama RMT ialah untuk memberikan makanan tambahan yang berzat dan seimbang kepada murid-murid bagi membantu mereka mengatasi masalah dari segi pertumbuhan dan kekurangan tenaga. Selain itu, rancangan ini juga bertujuan untuk menyelenggara pendidikan kesihatan dan pemakanan secara langsung dan tidak langsung. Program ini juga dapat mendidik para pelajar mengamalkan tabiat positif seperti bersopan santun, berdisiplin, bertimbang rasa serta amalan-amalan lain yang berkait rapat dengan kebersihan diri, makanan, dan alam persekitaran

Namun, setelah lebih 20 tahun program ini berjalan, masih terdapat sesetengah sekolah yang menjalankan program penting ini secara **sambalewa**. Sikap mereka tak ubah seperti bagai melepaskan batuk di tangga. Sesetengah para pengusaha kantin yang bertanggungjawab menyediakan makanan tidak mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Sebagai contoh, makanan yang disediakan bukan saja tidak berkualiti malah langsung tidak menyelerakan. Ada kalanya menu yang disediakan tidak bertukar selama lebih 10 tahun. Keadaan kantin pula dibiarkan kotor dan tidak terurus.

Keadaan seperti ini tidak harus dibiarkan. Pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan perlulah sama-sama **turun tangan** dalam menangani masalah ini. Hal ini penting agar masalah ini tidak dibiarkan berterusan dan dalam masa yang sama objektif yang telah ditetapkan akan tercapai dengan jayanya. Faktor penyeliaan dan pemeriksaan perlu dipertingkatkan agar pihak-pihak yang terlibat akan lebih serius dan berhati-hati dalam menunaikan tanggungjawab mereka.

- 6 Antara yang berikut, golongan pelajar manakah yang diberi keutamaan dalam Rancangan Makanan Tambahan?
- A murid yang lemah dalam pelajaran
 - B murid yang ibu bapanya tidak berpelajaran
 - C murid yang berasal daripada keluarga yang besar
 - D murid yang ibu bapanya berpendapatan rendah

- 7 Yang berikut adalah tujuan RMT **kecuali**...
- A untuk memberikan pendidikan tentang makanan dan kebersihan.
 - B untuk mendidik murid-murid agar berdisiplin dan bersopan santun.
 - C untuk menyediakan makanan yang berzat kepada murid-murid.
 - D untuk menarik minat murid-murid terhadap pembelajaran di sekolah.
- 8 Kata **sambalewa** dalam petikan di atas bermaksud...
- A tidak cekap.
 - B tidak sungguh-sungguh.
 - C tidak amanah.
 - D tidak berhati-hati.
- 9 Apakah langkah yang wajar diambil oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan dalam menangani masalah ini?
- A menghentikan segera Rancangan Makanan Tambahan
 - B menggalakkan murid-murid membawa bekalan makanan sendiri
 - C meningkatkan mutu penyeliaan dan penguatkuasaan
 - D mengenakan hukuman yang berat kepada pihak yang tidak bertanggungjawab
- 10 Rangkai kata **turun tangan** dalam petikan tadi sesuai digantikan dengan...
- A menghulurkan bantuan.*
 - B melepaskan jawatan.
 - C memberikan pengesahan.
 - D menurunkan tanda tangan.

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca puisi di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kulewati kampung ini
dalam kedinginan pagi
kulihat
Pak Tua di tengah bendang
bergelumang dengan keringat dan lumpur

Kulewati kampung ini
dalam terik mentari
kulihat
Pak Tua masih berdiri
terketar-ketar memeras kudrat
digagahnya juga
demi mencapai cita

anak-anak di menara gading
Kulewati kampung ini
sewaktu matahari di ufuk langit
kulihat
Pak Tua mengayuh basikal usang
membawa pulang seribu harapan
agar kehidupan anak-anaknya
seindah warna pelangi

- 11 Pak Tua mungkin seorang...
- A pekebun sayur.
 - B pesawah.
 - C buruh binaan.
 - D nelayan.
- 12 Mengapakah Pak Tua masih gigih bekerja walaupun sudah tidak begitu berupaya?
- A kerana ingin mengejar kekayaan
 - B kerana ingin menanggung pengajian anak-anaknya
 - C kerana mahu dipuji oleh orang kampung
 - D kerana didesak oleh anak-anaknya
- 13 Bilakah waktunya Pak Tua pulang ke rumah?
- A malam
 - B tengah hari
 - C senja
 - D pagi
- 14 Apakah harapan Pak Tua?
- A anak-anaknya beroleh kejayaan dalam hidup
 - B anak-anaknya membalas jasa dan pengorbanannya
 - C anak-anaknya dapat mengikut jejak langkahnya
 - D anak-anaknya rajin membantunya di bendang
- 15 Pada pendapat anda, apakah mesej utama yang ingin disampaikan oleh puisi tersebut?
- A Pengorbanan
 - B Kekecewaan
 - C Cabaran
 - D Kejujuran

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca puisi di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Terbang berkawan ke sana sini,
Hinggap sebentar di tepi kali;
Alangkah bertuah diriku ini,
Negara indah permai sekali.

Pandai-pandai menyimpan rahsia,
Jika terbongkar timbul sengketa;
Sudah tersohor namamu Malaysia,
Tumpuan pelancong **mencuci mata**.

Pergi mengaji di rumah Pak Lebai,
Membawa bekal sekeping roti;
Pasir memutih nyiur melambai,
Indah di mata, damai di hati.

Hati terguris amatlah hiba,
Membawa diri sebatang kara ;
Birunya laut hijaunya rimba;
Flora dan fauna kekal terpelihara.

Pendekar Lanang gagah perkasa,
Di gua kelam duduk bertapa;
Kupanjatkan syukur pada yang Esa.
Bencana alam jarang menimpa.

Pergi belayar ke Pulau Jawa,
Singgah di Riau membeli raga;
Agar negara indah dan istimewa,
Alam sekitar haruslah dijaga.

- 16 Mengapakah penulis berasa dirinya bertuah?
- A kerana dapat berehat di tepi kali
 - B kerana mempunyai negara yang cantik
 - C kerana memiliki paras rupa yang menawan
 - D kerana dapat hidup mewah
- 17 Simpulan bahasa **mencuci mata** yang terdapat dalam pantun bermaksud...
- A membersihkan mata dengan menggunakan sabun.
 - B mengisi masa lapang dengan kegiatan yang berfaedah.
 - C berbelanja di tempat-tempat yang terkenal.
 - D bersenang-senang dengan melihat sesuatu yang indah.
- 18 Mengapakah penulis bersyukur pada Tuhannya?
- A kerana negaranya terkenal di seluruh dunia
 - B kerana banyak pelancong yang datang ke negaranya
 - C kerana negaranya jarang ditimpa bencana alam
 - D kerana dapat menikmati kemewahan hidup
- 19 Rangkaian kata-kata **flora dan fauna kekal terpelihara** bermaksud...
- A keharmonian negara tidak terjejas.
 - B negara semakin pesat membangun.
 - C alam semula jadi tidak dicemari.
 - D sumber asli negara tidak terancam.
- 20 Apakah kesannya kepada negara jika alam sekitar tidak dijaga dengan baik?
- A berlaku keadaan kacau-bilau dan huru-hara
 - B perpaduan antara penduduk berbilang kaum akan terjejas
 - C berlaku pencemaran alam yang banyak mendatangkan keburukan
 - D kestabilan ekonomi negara akan tergugat

Soalan 21 hingga Soalan 32

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah ini.

- 21 Beberapa ekor anak ayam sedang _____ tanah di halaman rumahku.
- A menguis-nguis
 - B menguit-nguit
 - C mengais-ngais
 - D mengaut-ngaut

- 22 Kehadiran tetamu istimewa itu diharap dapat _____ lagi majlis yang diadakan.
- A menyerikan
 - B mencerahkan
 - C menyinarkan
 - D menyerlahkan
- 23 Lori itu _____ penghadang jalan sebelum terjunam ke dalam gaung.
- A menempuh
 - B merempuh
 - C menyondol
 - D meredah
- 24 Pihak berkuasa tempatan perlu _____ harga barang-barang di pasaran agar tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya oleh peniaga.
- A menilai
 - B mengkaji
 - C memantau
 - D melihat
- 25 Sebelum _____ santannya, kelapa ini perlu _____ dulu.
- A diperas... dihiris
 - B dipungut...dibelah
 - C dikutip... dipotong
 - D diperah...diparut
- 26 Encik Lee _____ untuk membawa keluarganya makan angin pada hujung minggu depan.
- A beringat-ingat
 - B berpesan-pesan
 - C berkira-kira
 - D bermuka-muka
- 27 Aida tidak sempat mengelak _____ air itu lalu menyebabkan bajunya basah.
- A percikan
 - B kepulan
 - C titisan
 - D longgokan

- 28 “Makanlah roti ini sebagai _____,” kata Puan Ina kepada anaknya yang tergesa-gesa mahu ke sekolah.
- A durian runtuh
 - B alas perut
 - C halwa telinga
 - D buah tangan
- 29 Kejadian yang memalukan itu telah menjadi _____ penduduk kampung.
- A buah fikiran
 - B buah tangan
 - C buah mulut
 - D buah hati
- 30 Yahya _____ kerana tidak sempat untuk menatap wajah jenazah ayahnya buat kali yang terakhir.
- A terkejut
 - B terpegun
 - C terkilan
 - D tergamam
- 31 “Buah ini masih muda kerana rasanya agak _____,”kata Yusri.
- A lekit
 - B masin
 - C tawar
 - D kelat
- 32 Mak Cik Bedah memasukkan dua _____ daun kesum dan empat _____ serai ke dalam raganya untuk dibawa pulang.
- A tangkai... jambak
 - B ikat ...batang
 - C buah...batang
 - D cucuk...keping

Soalan 33 dan Soalan 34

Pilih kata yang **seerti** bagi kata yang **bergaris**.

- 33 Rubiah menjeling apabila diusik oleh kawan-kawannya.
A merenung
B mengenyit
C mengerling
D menatap
- 34 Sikap hormat-menghormati dapat menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat.
A keunggulan
B kesenangan
C keselesaan
D keharmonian

Soalan 35 dan Soalan 36

Pilih kata ganda yang **bergaris** dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud **tunggal**.

- 35 I Jejari tingkap itu telah berpaku.
II Halaman rumah itu telah ditumbuhi rerumput.
III Pepohon buluh itu tumbuh merimbun di tepi tasik itu.
IV Ibu memasukkan bebola ikan ke dalam masakan itu.
A I dan III sahaja
B I dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, III, dan IV
- 36 I Kanak-kanak itu sedang bermain di halaman rumah.
II Bunga-bunga itu dipetik oleh kakak.
III Sarang angkut-angkut itu telah pecah.
IV Buku-buku itu dijual dengan harga yang murah.

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

Soalan 37 dan Soalan 38

Pilih kata berganda yang **bergaris** dalam ayat-ayat di bawah ini yang membawa maksud **berulang-ulang**.

37 I Lauk-pauk yang dihidangkan itu enak belaka.

II Janisah memberikan saki-baki makanan itu kepada kucingnya.

III Kedua-dua ekor anak kucing itu berguling-guling di atas tikar itu.

IV Ayah melaung-laung kamu dari puncak bukit itu.

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C III dan IV sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

38 I Hasyim terlonjak-lonjak setelah memenangi perlawanan pingpong itu.

II Mereka tersenyum-senyum kepada kami.

III Mata kanak-kanak itu terkebil-kebil apabila dimarahi oleh bapanya.

IV Budak itu terjerit-jerit apabila dikejar oleh anjing.

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

Soalan 39 hingga Soalan 41

Pilih jawapan yang **paling sesuai** untuk ayat yang **bergaris**.

39 Sudah berapa lamakah kamu bergiat dalam bidang lakonan ini?

- A Sepanjang yang saya ingat sudah hampir enam tahun.
- B Saya akan bergiat dalam bidang lakonan ini selama enam tahun.
- C Sudah enam tahun keluarga saya mendorong saya bergiat dalam bidang lakonan ini.
- D Sejak enam tahun lalu saya berminat dalam bidang lakonan ini.

40 Bagaimanakah nahas udara itu berlaku?

- A Ketika berlakunya nahas udara itu keadaan cuaca berkabus.
- B Berlakunya nahas udara itu berkait rapat dengan kerosakan pada kipas pesawat itu.
- C Nahas udara yang seumpama itu boleh berlaku apabila cuaca berkabus.
- D Pihak polis sedang menyiasat punca berlakunya nahas udara itu.

41 Apakah yang dilakukan oleh Faizal semasa mendengar taklimat itu?

- A Faizal mencatat perkara-perkara penting daripada taklimat itu.
- B Banyak faedah yang diperolehi oleh Faizal semasa mendengar taklimat itu.
- C Faizal mendengar taklimat itu dengan teliti.
- D Hanya isi-isi penting taklimat itu yang dicatat oleh Faizal.

Soalan 42 dan Soalan 43

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca dengan betul**.

- 42** A "Ibu, ini Jamilah, kawan baik saya. Dia cerdik dan aktif dalam sukan."
Kata Rosnah kepada ibunya.
- B "Ibu ini Jamilah, kawan baik saya, Dia cerdik dan aktif dalam sukan."
Kata Rosnah
kepada ibunya.
- C "Ibu ini Jamilah kawan baik saya, Dia cerdik dan aktif dalam sukan."

Kata Rosnah kepada ibunya.

D "Ibu, ini Jamilah! kawan baik saya. Dia cerdik dan aktif dalam sukan."

Kata Rosnah kepada ibunya.

- 43 A "Menarik lukisan ini, Kamukah yang melukisnya?" tanya Cikgu Kamil.
B "Menarik lukisan ini. Kamukah yang melukisnya?" tanya Cikgu Kamil.
C "Menarik, lukisan ini. Kamukah yang melukisnya?" tanya Cikgu Kamil.
D "Menarik lukisan ini? Kamukah yang melukisnya." tanya Cikgu Kamil.

Soalan 44 hingga Soalan 46

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang **bergaris**.

- 44 "Bagaimana saya hendak menjemput tetamu dan orang ramai datang menyaksikan pameran komputer itu, cikgu?" tanya Moi Ling.
- A Cikgu menyuruh Moi Ling menjemput tetamu dan orang ramai datang menyaksikan pameran komputer itu.
B Cikgu menerangkan cara menjemput tetamu dan orang ramai datang menyaksikan pameran komputer itu kepada Moi Ling.
C Moi Ling ingin mengetahui cara menjemput tetamu dan orang ramai datang menyaksikan pameran komputer itu.
D Tetamu dan orang ramai dijemput datang oleh Moi Ling dan cikgunya untuk menyaksikan pameran komputer itu.
- 45 " Gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas," kata Mak Jah kepada kakak.
- A Mak Jah memberitahu kakak bahawa gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas.
B Kakak memberitahu Mak Jah bahawa gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas.
C Mak Jah dan kakak diberitahu bahawa gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas.
D Mak Jah dan kakak memberitahu bahawa gulai itu sedap dan tidak terlalu pedas.

- 46** Suhu di bumi akan terus meningkat oleh sebab pembakaran dan penerokaan hutan yang semakin berleluasa.
- A** Kekurangan suhu bumi di hutan yang terus meningkat disebabkan oleh kebakaran hutan yang semakin bermaharajalela.
 - B** Penerokaan hutan yang semakin meningkat serta pembakaran yang berlaku akan menyebabkan suhu di bumi terus meningkat.
 - C** Pembakaran dan penerokaan hutan yang semakin tidak terbatas menyebabkan suhu di bumi akan terus meningkat.
 - D** Pembakaran hutan yang semakin meningkat serta kekurangan suhu bumi menyebabkan hutan berkurangan

Soalan 47 dan Soalan 48

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 47**
- I Dari pagi ke petang dia tidak balik ke rumah.
 - II Ceramah tentang kem musim cuti itu disukai oleh murid-murid.
 - III Wak Leman membajak sawah dengan menggunakan traktor.
 - IV Mereka telah sampai petang ini.
- A** I dan II sahaja
 - B** II dan III sahaja
 - C** II, III, dan IV sahaja
 - D** I, II, III, dan IV
- 48**
- I Berbagai projek telah dilaksanakan untuk membangunkan kawasan tersebut.
 - II Azman merasa amat pilu sekali apabila mendengar cerita sedih itu.
 - III Tiang telefon itu tumbang lalu menghempap rumah.
 - IV Kucing peliharaannya sangat jinak.
- A** I dan II sahaja
 - B** II dan III sahaja
 - C** III dan IV sahaja
 - D** II, III, dan IV saja

Soalan 49 dan Soalan 50

Pilih ayat atau ayat-ayat yang menggunakan kata yang **bergaris** dengan betul.

- 49 I Gula dan garam larut di dalam air.
II Abang mengulang kaji pelajarannya hingga larut malam.
III Sakitnya bertambah larut sejak belakangan ini.
IV Daun-daun itu perlu dilarut terlebih dahulu sebelum diayam.
- A I dan II sahaja
B I, II, dan III sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV
- 50 I Diam Pak Kamal ialah di pondok usang itu.
II Sudah sepuluh tahun mereka diam di kampung itu.
III Firdaus diam saja apabila disoal oleh gurunya.
IV “Tolong diam sebentar,” kata Ali kepada rakan-rakannya.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C II, III, dan IV sahaja
D I, II, III, dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN: SET 1/2002

1. B	16. B	31. D	46. C
2. B	17. D	32. B	47. B
3. C	18. C	33. C	48. C
4. B	19. C	34. D	49. B
5. D	20. C	35. B	50. C
6. D	21. C	36. B	
7. D	22. A	37. C	
8. B	23. B	38. D	
9. C	24. C	39. A	
10. A	25. D	40. B	
11. B	26. C	41. A	
12. B	27. A	42. A	
13. C	28. B	43. B	
14. A	29. C	44. C	
15. A	30. C	45. A	